

**MEDIA BARU DAN WACANA SAINS: ISU PENGKLOANAN  
MELALUI BLOG DAN AKHBAR DI MALAYSIA**  
*(NEW MEDIA AND SCIENCE DISCOURSE: CLONING ISSUE  
THROUGH WEBLOGS AND PRESS IN MALAYSIA)*

Adnan Hussein<sup>1</sup>  
Hamidah Abd. Hamid<sup>2</sup>  
Siti Hajar Abd. Aziz<sup>3</sup>

*The developments of latest communication technology, especially web-based applications such as weblogs, have changed the media landscape. In countries with controlled media system, the emergence of weblogs provides an alternative medium to those who want to disseminate views normally suppressed by the mainstream media. Issues deemed sensitive by the local media seldom get due coverage. Even if there is coverage, it is presented from the perspective that is consistent with the views and ideology of the elite and the government.*

*Hence, this paper examines and discusses the coverage, the discussion and the debates about scientific issues, especially cloning, through weblogs. Departing on the premise that blogging offers a relatively wider public sphere than the print media; discourses on cloning issues in the two media will take on different forms. This paper evaluates how bloggers on cloning issues use the openness and freedom of weblogs to voice and disseminate their views and compares it to similar discourse in Malaysian print media.*

Keywords: New media, Science discourse, Cloning issue, Weblog, Newspaper

---

<sup>1</sup> Adnan Hussein is an Associate Professor and Dean of the School of Communication, Universiti Sains Malaysia, Penang. [adnan@usm.my](mailto:adnan@usm.my)

<sup>2</sup> Hamidah Abd. Hamid is a lecturer and Deputy Dean of the School of Communication, Universiti Sains Malaysia, Penang.

<sup>3</sup> Siti Hajar Abd. Aziz was a Master of Communication degree candidate at the School of Communication, Universiti Sains Malaysia, Penang.

*Adnan Hussein et al.*

*Perkembangan teknologi komunikasi terkini, khususnya aplikasi berasaskan jaringan web seperti weblog telah mengubah landskap media. Di dalam negara yang mengamalkan sistem media yang terkawal, kemunculan weblog menjadi saluran alternatif bagi mereka yang ingin menyebarkan dan menyiarkan pandangan yang lazimnya akan dipendam oleh media arus perdana. Liputan mengenai isu-isu yang dianggap sensitif oleh media tempatan jarang diberikan ruang yang sewajarnya, dan sekiranya ada, ia dibentangkan dari perspektif yang sudah semestinya selari dengan pandangan dan ideologi elit pemerintah.*

*Justeru, kertas kerja ini meneliti dan menghurai liputan, perbincangan dan perbahasan mengenai isu saintifik, khususnya isu pengklonan melalui weblog. Bertolak daripada premis bahawa berblog menyediakan ruang awam yang secara relatifnya lebih bebas daripada media cetak, wacana mengenai isu pengklonan melalui kedua-dua media tersebut akan mengambil bentuk yang berbeza. Secara khususnya artikel ini menilai bentuk komuniti wacana isu pengklonan, khususnya peserta weblog (bloggers), menggunakan keterbukaan dan kebebasan weblog untuk mengutarakan dan menyampaikan pandangan masing-masing dan membandingkannya dengan bentuk wacana melalui media cetak di Malaysia.*

Kata kunci: Media baru, Wacana sains, Isu pengklonan, Weblog, Akhbar

## **WEBLOG SEBAGAI MEDIA BARU**

Jika benar seperti yang dilaporkan dalam *China Daily* (2005) bahawa setiap satu saat, satu weblog dicipta di dalam ruang Internet, ini bermakna jumlah aliran maklumat menerusi Internet sudah semakin berlipat ganda. Jika kehadiran Internet sahaja sudah mengubah corak aliran penghantaran dan pengaliran maklumat, maka kehadiran weblog telah mencetuskan pengaliran pendapat secara meluas (Blood, 2002).

Weblog yang terawal muncul pada tahun 1993 tetapi tidak begitu popular sehingga kemunculan aplikasi weblog mesra pengguna pada 1999 seperti Blogger (Stone, 2004). Weblog menjadi begitu popular dan berpengaruh sehingga dikatakan berjaya mencorakkan pendapat awam dalam menentukan keputusan pemilihan presiden Amerika Syarikat pada

tahun 2004 dan menyebabkan beberapa orang wartawan dipecat kerana melaporkan berita yang dianggap tidak beretika (Hewitt, 2005).

Para sarjana melihat perkembangan weblog sebagai suatu arena baru untuk meluahkan rasa, dan tidak menolak kemungkinan penerbitan weblog milik peribadi akan menyaingi media perdana yang terikat dengan pelbagai kekangan. Mereka turut menaruh keyakinan bahawa budaya pengguna web beralih daripada penerima pasif kepada penyumbang maklumat dengan versi sendiri kerana kuasa menerbit kini sudah berada diujung jari (Mohd Safar Hashim, 2005; Ghazali Bunari, 2002; Drezner & Farrell, 2004).

Walaupun ada sarjana yang melihat kewujudan weblog sebagai suatu ancaman baru kepada suratkhabar, namun para peserta sebuah persidangan tentang *Blogging, Journalism and Credibility: Battleground and Common Ground* pada Januari 2005 di Universiti Harvard telah mengeluarkan resolusi bahawa penulis weblog dan wartawan sebenarnya mempunyai matlamat yang sama, iaitu menyumbang ke arah masyarakat yang lebih berinformasi dan demokratik (<http://cyber.law.harvard.edu/webcred>).

## **KOMUNIKASI ISU PENGKLONAN MENERUSI WEBLOG**

Sebagai salah sebuah media yang baru, weblog dikatakan telah berubah daripada diari dalam talian kepada media kecil yang mengandungi semua isu yang boleh difikirkan oleh peserta weblog, tentang isu yang meliputi dunianya sendiri, sehinggalah isu dan peristiwa global (Blood, 2002). Isu sains juga turut mendapat perhatian peserta weblog.

Isu sains seperti pengklonan bukan sahaja telah menarik perhatian media dari seluruh dunia, bahkan ruang alam maya weblog juga tidak ketinggalan dibanjiri oleh pendapat peserta weblog daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah orang awam dan mereka yang terlibat dalam industri sains.

Isu pengklonan yang masyhur serta menimbulkan perbincangan muncul apabila saintis Ian Wilmut dan rakan-rakan dari Institut Roslin di Edinburg, Scotland melaporkan di dalam jurnal *Nature* (1997) tentang

*Adnan Hussein et al.*

kejayaan mereka menghasilkan seekor kambing biri-biri bernama Dolly yang diklon daripada sel dewasa. Apabila kejayaan ini diumumkan, banyak pihak melahirkan pandangan bahawa usaha pengklonan tidak seharusnya dilakukan terhadap manusia. Larangan ini bukan hanya terhad kepada masyarakat Islam malahan disuarakan oleh negara Barat, seperti UK yang dianggap lebih liberal (Sexton, 2000).

Isu pengklonan menjadi hangat semula pada tahun 2005 apabila *Nature* (Ogos, 2005) sekali lagi melaporkan kejayaan Dr. Hwang Woo-Suk dari Korea menghasilkan seekor anjing klon dari baka Afghan Hound yang dipanggil Snuppy.

Dr Hwang turut mendapat perhatian apabila beliau mengumumkan kejayaannya sebagai perintis dalam pengklonan manusia (*Science*, Mei 2005). Beliau melaporkan hasil kajiannya dalam menghasilkan *stem cell* yang serupa dengan pesakit-pesakit, satu penemuan yang menjadi harapan dalam mencipta terapi yang boleh menyembuhkan penyakit. Namun begitu, pada Januari 2006, beliau telah didapati memalsukan fakta dalam kajiannya dan melanggar etika-etika penyelidikan.

Bagaimanakah isu pengklonan seperti kontroversi Dr Hwang dibincangkan dalam weblog dan juga media massa aliran perdana seperti akhbar? Artikel ini akan menghuraikan liputan, perbincangan dan perbahasan isu pengklonan dalam weblog berdasarkan kajian ke atas sampel 100 weblog yang memaparkan isu pengklonan pada Disember 2004 hingga Disember 2005. Seterusnya, artikel ini juga akan membincangkan corak pemaparan isu tersebut dalam akhbar-akhbar terpilih Malaysia.

## **CORAK PAPARAN ISU PENGKLONAN DI DALAM WEBLOG**

Kajian mendapati bahawa tidak ada corak yang tertentu dalam menentukan saiz paparan isu pengklonan di dalam penulisan weblog. Saiz adalah bergantung kepada idea dan stail penulisan. Kebebasan menulis adalah lebih luas dan tidak ada batasan ruang di dalam penulisan weblog kerana ia tidak seperti sebuah akhbar yang mempunyai editor atau bersaing dengan ruang iklan. Namun begitu, peserta weblog dalam kajian ini cenderung menulis di dalam saiz yang sederhana, iaitu antara satu dan dua halaman. Mortensen dan Walker (2002) juga

berpendapat bahawa paparan isu yang ditulis seorang peserta weblog adakalanya terlalu pendek dan ditulis dengan bersahaja dan adakalanya idea berkembang serta menjadi perhatian dan mendapat komen pembaca.

Isu pengklonan yang dicetuskan di dalam weblog datangnya daripada dua sumber yang utama, iaitu pengalaman atau pemerhatian di dalam kehidupan seharian peserta weblog, dan daripada media dalam talian. Penulisan weblog turut dibuat dengan merujuk secara langsung kepada saintis dari negara tertentu dan saintis daripada pusat penyelidikan universiti. Ini sekaligus menjadikan kedua-dua jenis saintis ini sebagai rujukan utama di dalam penulisan isu pengklonan di dalam weblog selain pemerhatian dan pengalaman penulis weblog sendiri.

### **Wacana Isu Pengklonan dalam Weblog**

Pengklonan manusia ialah subjek utama yang diperbincangkan, khususnya yang merujuk kepada pengklonan jenis reproduksi, iaitu penyelidikan yang bertujuan mencipta manusia yang serupa dengan induk asalnya. Isu pengklonan utama yang dibincangkan pula adalah berkenaan teknologi pengklonan itu sendiri. Ini diikuti oleh isu etika di dalam pengklonan, penemuan baru dan polisi serta undang-undang berkaitan pengklonan.

Terdapat pelbagai reaksi yang ingin ditonjolkan oleh peserta weblog di dalam penulisan mereka mengenai isu pengklonan. Ada yang menulis dengan tujuan memberikan informasi dan ada juga yang menimbulkan pelbagai persoalan. Yang nyata mereka telah menjadikan weblog sebagai satu arena untuk menghasilkan semula maklumat yang diterima dari sesuatu sumber untuk dikongsi bersama pembaca-pembacanya.

Wacana mengenai pengklonan boleh dikelaskan kepada dua golongan, iaitu peserta yang menentang pengklonan dan golongan yang menyokong pengklonan. Secara umumnya, jumlah peserta yang menentang pengklonan mengatasi jumlah peserta yang menyokong pengklonan. Pemerhatian terhadap weblog tempatan dan weblog luar negara mendapati bahawa penulis weblog luar negara lebih kuat menentang isu pengklonan berbanding penulis dari dalam negara yang kurang menyatakan sokongan atau tentangan terhadap isu ini.

*Adnan Hussein et al.*

## **Penentangan Terhadap Pengklonan**

### *i. Ancaman Kepada Kemanusiaan*

Salah satu hujah utama yang diketengahkan oleh peserta weblog adalah berkaitan isu ancaman kepada kemanusiaan. Perbincangan paling banyak menjurus kepada kesan negatif kajian pengklonan terhadap manusia. Peserta membayangkan kebimbangan bahawa pengklonan akan mendatangkan ketidakseimbangan kepada kehidupan manusia. Seorang peserta weblog yang menamakan dirinya 'Chicken Little' menyatakan: "*Will men become obsolete? I certainly hope not! I love men, all sorts of men*". (<http://chickenfriedlife.blogspot.com>, 9 September 2005). Pendapat beliau ini adalah reaksi kepada satu kenyataan media tentang dakwaan saintis bahawa janin boleh dicipta dengan menggunakan dua wanita.

'Pickle Coconut' menggambarkan bahawa pengklonan adalah satu ancaman kepada kemanusiaan di dalam weblognya *Opposite Corners of The World*, yang menyatakan bahawa, "*Cloning should be banned so that the balance of nature can be maintained*". (<http://nuttyceleryrabbitsticksfudge.blogspot.com>, 3 November 2005)

Penulis 'The Secret Life of Stephen Lui' turut pula berpendapat:

*"Also, embryonic research shouldn't be touched with a ten-foot pole, given the serious consequences of its research, which is the possible destruction of human life"*. (<http://spaces.msn.com/members/selenial/Blog>, 11 November 2005).

'Fiendish Pancake' melahirkan rasa tidak puas hati beliau terhadap pengklonan manusia dalam weblognya *Off The Map*. Beliau menggambarkan pengklonan sebagai sebuah kejahatan sebagaimana yang dilakukan oleh Adolf Hitler yang dikatakan telah melakukan kekejaman dan pembunuhan beramai-ramai serta berniat untuk membina komuniti Aryan yang lebih luas. Berikut ialah petikan daripada weblog tersebut:

*During the discussion, the concept of having "ideal humans" came up. This is what pisses me off the most out of the entire topic of cloning. Say we do start to clone "ideal humans" with low health risks, perfect body form, etc. A race consisting of what we picture as perfect attributes. Then what? We become nothing more than modern day Hitlers. Think about it; what was Hitler's goal? To create an ideal race, a "superior" one: The Aryans. Blonde hair, blue eyes, the works. If we clone our ideal humans to populate the world, we are doing nothing more than what Adolf Hitler was attempting to do before he killed himself.*  
(<http://heartshapedsushi.blogspot.com>, 31 Ogos 2005)

Ada juga yang mengaitkan dengan kemungkinan wujudnya kuasa baru yang mencipta tentera klon yang tidak boleh dikalahkan. Russell Egan menyebut tentang kuasa baru ini sebagai suatu kesan buruk pengklonan, dengan menggambarkan kemungkinan adanya "pemimpin gila" yang mengambil kesempatan mengklon askar-askar yang berkebolehan luar biasa untuk mencipta angkatan tentera yang tidak dapat dikalahkan:

*The clones could be exploited. People with unique abilities could be cloned to make even better ones. For example, the worlds most celebrated soldier could be cloned thousands of times over to create a super army. I realise that this is very, very unlikely, but I wouldn't put it past some of the crazy leaders out there.*  
(<http://s-bend.blogspot.com>, 5 November 2005)

Kesemua hujah dan pandangan di atas memberi gambaran mengenai kerisauan terhadap ancaman yang mungkin dihadapi sekiranya manusia boleh diklon.

#### *ii. Penyelidikan Sains yang Tidak Beretika*

Ramai juga peserta weblog melihat pengklonan sebagai usaha penyelidikan saintifik yang tidak beretika. 'Don Singleton' melihat pengklonan sebagai satu penyelidikan tidak beretika kerana ia bukan sahaja akan melibatkan pembunuhan embrio, malahan saintis juga

*Adnan Hussein et al.*

berharap untuk menemui kaedah supaya mereka boleh "menumbuh organ-organ manusia" daripada penyelidikan pengklonan:

*"So you take a frozen embryo, let it start growing, then steal one cell and let it keep growing and because the resulting embryo will create a life you think the pro-life people will be convinced it is a good idea. But realise, that frozen embryo was not intended to be planted. Do you think that just because a baby is created that will live, even if it was unwanted, and even if some woman allows it to be implanted in her, and carried to term, that everything is ok? Or do you plan to steal a cell from embryos created for a woman that wants IVF, and will you tell her what you are doing?"*

(<http://donsingleton.blogspot.com>, 16 Oktober 2005)

Bareshiyth di dalam weblog 'Alcaide's Café' menggunakan *frame* ini untuk mendakwa pengklonan sebagai penyelidikan yang tidak beretika:

*....rather than applauding Bush for being sensitive to the cultural diversity and pluralism of our country and recognising that many, apparently the majority, of US citizens see the sacrifice of embryos as murder, as the slaughter of children, and hate to have their tax dollars paying for it.*

(<http://www.alcaidecafe.com>, 29 Oktober 2005)

### *iii. Menjadi Tuhan (Playing God)*

Satu hujah yang sering diketengahkan oleh penentang pengklonan berkaitan dengan persoalan 'kuasa Tuhan'. Peserta weblog menggambarkan bahawa penyelidikan pengklonan melanggar undang-undang Tuhan. Mereka melihat saintis sebagai manusia yang "cuba menjadi Tuhan" dengan penglibatan mereka di dalam penyelidikan "penciptaan manusia", sekaligus melabelkan pengklonan sebagai suatu kesalahan dari segi agama.

'Elizabeth Furgos' di dalam weblognya '*Our Blog*' menggunakan hujah bahawa:



*Messing with the way life is supposed to be is going to be horrible in the end with these scientists. Dolly was a clone and it didn't live very long. How long is this baby going to live? Is it even going to make it? I think that playing God is wrong.* (<http://cooperhall.blogspot.com>, 13 Oktober 2005)

'Velveetacheese' turut menyebut mengenai pengklonan sebagai menyalahi undang-undang Tuhan:

*"Another reason of why human cloning is utterly incorrect is because the human race is created in God's own image."*  
(<http://spaces.msn.com/members/valveetacheese/Blog>, 16 November 2005)

Seorang lagi peserta weblog menyatakan dengan tegas kenapa beliau menentang pengklonan:

*"I am against cloning. If you are a Christian and even if you are not you would realize you are playing the role of God. God made man, man did not make man."*  
Komen oleh 'Billy Bob Jan'.  
(<http://weblog.isallineed.net/javagui>)

Pencipta siri kartun bernama 'Scoot Adam' pula mempersendakan penyelidikan pengklonan dalam weblognya *The Dilbert Blog*:

*God gives them brand new souls, then they aren't actually clones at all. They'd be fundamentally different. But it also makes God more of a soul gumball machine than the omnipotent creator of the universe. The scientist who makes the clone would, in effect, be controlling God by making him pinch out another soul to inhabit the clone.*  
([http://dilbertblog.typepad.com/the\\_dilbert\\_blog](http://dilbertblog.typepad.com/the_dilbert_blog), 2 Disember 2005)

*Adnan Hussein et al.*

'Scoot Adam' jelas tidak bersetuju dengan pengklonan dan menggunakan kiasan untuk memberitahu pembacanya bahawa penyelidikan pengklonan adalah bertentangan dengan hukum Tuhan.

Ramai dalam kalangan peserta weblog yang menentang pengklonan melahirkan pandangan secara sinis mengenai peranan manusia dalam mencipta manusia dan menjalankan tugas Tuhan. Namun hakikatnya, mereka masih menentang pengklonan:

*"It can also help people bring back their dead relatives which is a good thing because they can finally reunite again and be a family."*

(<http://changestobedone.blogspot.com>).

*"It's not like God didn't already give us the tools necessary to make clones anyway. He calls them babies. Why not make babies the old fashioned way? It's a lot more fun right? Besides, we all know that a copy of something isn't as good as the original".*

(<http://theduhfactor.blogspot.com>, 30 Ogos 2005)

*"Also I think that cloning is not that great, you don't know what you are creating if you do this. God created life, not man."*

(<http://adelly.blog.usf.edu>, 22 Oktober 2005)

*Cloning should be banned so that the balance of nature can be maintained.*

(<http://nuttyceleryrabbitsticksfudge.blogspot.com>, 3 November 2005)

Ramai juga peserta weblog yang melahirkan keraguan mengenai tindakan yang dilakukan oleh manusia ke atas klon-klon yang dilahirkan.

*After a child can be created institutionally merely by starting with basic human eggs and sperm, what will become of this new race of humans? Will we adopt them? Will we enslave them? Will we keep them in*

*vegetative states and use them for organ donation? Will we simply kill them?*  
(<http://www.lonelycanuck.com>, 22 November 2005)

*More importantly, why the hell are we interested in cloning humans and birthing them from cows???*  
Komen oleh Spider Girl. (<http://noammohr.blogspot.com>)

*Further, if you kill your clone is that murder or suicide? Or, if you own it, destruction of property? Just sayin' is all. I'm intrigued by the idea of a clone. But what if my clone was more successful at life than me? Does that mean that it isn't my material (what I have to work with in this life) that sucks - it's something else? Something more "personal" than that? How weird would it be to envy your clone?*  
Komen oleh CmdrSue (<http://www.twoorthree.net>)

*"One can (say) that gene plays an important role in (determining) the next generation, one can also (say) that you are rebellious and your child carry a rebellious blood, but can our scientist map out our 'rebellious' gene in the future?"*  
(<http://spaceislost.blogspot.com>, 27 September 2005)

*"These mad scientists are playing God, but for what? Most likely their 15 minutes of fame and a million dollar."* (<http://oreva11.blogspot.com>, 27 September 2005)

Berkaitan dengan usaha pengklonan yang dilakukan oleh saintis Korea Selatan, Dr. Hwang Woo-Suk, ada yang berpandangan bahawa;

*If Hwang's cloning method was a lie and he used a sperm instead of a nucleus of a cell, he committed murders. Murders of humans. He is basically a Nazi.*  
(<http://koreanamerican431.blogspot.com>, 25 November 2005)

*Adnan Hussein et al.*

## **Sokongan Terhadap Pengklonan**

### *Pengklonan Mempunyai Manfaat yang Besar*

Bagi golongan yang menyokong pengklonan, hujah dan pandangan mereka berkisar kepada perasaan optimis terhadap potensi yang dihasilkan melalui penyelidikan pengklonan kepada manusia. Golongan ini melihat pengklonan berpotensi untuk menyelesaikan dan mengubat pelbagai penyakit yang dihadapi oleh manusia hari ini.

Hujah yang diketengahkan ialah manfaat yang diperolehi dan kemajuan sains dan teknologi. Pihak ini menyuarakan pandangan bahawa penyelidikan pengklonan harus dipertimbangkan untuk kebaikan masa depan. Dengan kata lain, kajian pengklonan dianggap sebagai satu permulaan baru kepada kajian genetik yang boleh menyelesaikan pelbagai masalah perubatan. Kemajuan dalam bidang pengklonan mampu memperbaiki kehidupan manusia.

Penulisan mereka mengajak pembaca untuk menganalisis kebaikan dan potensi kajian pengklonan. Mereka menganggap bidang penyelidikan pengklonan sebagai satu bidang kajian yang penting dan tidak harus ditolak bulat-bulat:

*"Another point to support (the benefits of cloning is) the cost. I can remember when there was a tomato shortage in Florida and the price of a tomato doubled. Cloning would not only prevent that kind of shortage but would have allowed for the price to go down some."*  
(<http://kabbowski.blogspot.com>, 26 September 2005)

*"I told you this story, to tell you another, that today, with the great technology of genetics and cloning, with the help of a preserved thylacine pup, it may be possible to resurrect this long lost species, and amend the hole in nature."*  
(<http://theoldworldwilldie.blogspot.com>, 31 Oktober 2005)

*"The bottom line is that human cloning is just a new way of making identical twins, except probably more widely distributed in time. After long thought, and reading a bunch of clone-related fiction, I see no new societal problems that cloning per se will pose."*

(<http://www.centristcoalition.com/blog>, 15 Ogos 2005)

'Alex Betancourt' di dalam weblognya menyokong kajian pengklonan Dolly:

*"If the low success rates can be improved (Dolly was only one success out of 276 tries), reproductive cloning can be used to develop efficient ways to reliably reproduce animals with special qualities."*

(<http://alex.nxivm.com>, 21 Oktober 2005)

Seorang penulis yang hanya dikenali sebagai 'Po' di dalam weblognya *The First Immortal* menyatakan:

*Dr. Kass has been called a luddite for strongly opposing cloning of embryonic stem cells. Though that may give the impression that he's against extending life indefinitely (which he is basically), we should still look at these issues from multiple perspectives, so long as we don't give up on analysing our best options and achieving progress without jeopardising long-term prospects.*

(<http://nevergrowold.blogspot.com>, 10 September 2005)

'CK' di dalam weblognya *Political Mind of CK* turut melihat penyelidikan pengklonan sebagai suatu perkara yang penting;

*"I believe in cloning because people can save themselves from illness. I think that President should let it happen. No matter how much people think about it, cloning can be a life saver."*

(<http://kcmp.blogspot.com>, 6 Disember 2005)

*Adnan Hussein et al.*

*So here we are, in the beginning of the 21st century, and people are talking about the previously unimaginable — immortality, or at least major life extension. Sequencing the Human Genome, advances in cloning, and the rise of nanotechnology all promise to one day let you live at least into your mid-100's; maybe even as long as you want—barring any random accidental deaths and those sort of things.*

(<http://joestestblog.mocek.org>, 12 Oktober 2005)

Seterusnya, 'Hai Eww' dalam weblognya *Political Issues* pada 6 Disember 2005 menulis;

*I strongly agree that human cloning is a good thing because it can be used to make human life better. It can save a lot of people's lives by creating new ways to cure dangerous diseases. It can help create a replacement heart, liver and skin to help people with any of those problems.*

(<http://changestobedone.blogspot.com>, 6 Disember 2005)

Ringkasnya, kedua-dua pihak mempunyai hujah dan pandangan masing-masing dalam menyatakan sokongan atau penentangan terhadap pengklonan. Bagi golongan yang menentang, hujah mereka adalah ancaman kepada kemanusiaan, persoalan etika dan ketuhanan, manakala bagi golongan yang menyokong, hujah mereka bersandarkan kepada potensi hasil penyelidikan dalam menyelesaikan pelbagai penyakit. Dari satu sudut, kedua-dua golongan ini berada pada dua ekstrem yang bertentangan yang sememangnya sukar untuk mencari jalan tengah – bagi satu pihak, pengklonan adalah ancaman, di satu pihak lagi ianya berpotensi kepada kehidupan yang lebih baik.

## **WACANA MENGENAI PENGKLONAN DALAM MEDIA CETAK DI MALAYSIA**

Bagi membandingkan bentuk wacana mengenai pengklonan di media cetak, artikel ini juga melihat laporan dua akhbar aliran utama, *Utusan Malaysia (UM)* sebagai mewakili akhbar berbahasa Melayu dan akhbar *The New Straits Times (NST)* mewakili akhbar berbahasa Inggeris di

antara Disember 2004 dan Disember 2005, menggunakan arkib online kedua-dua akhbar tersebut.

Secara umumnya, akhbar bukan merupakan satu medan awam yang popular untuk membincangkan isu kontroversi seperti pengklonan.

Bagi akhbar *UM*, dalam jangka masa tersebut, hanya tiga laporan mengenai isu pengklonan yang diterbitkan berbanding dengan akhbar *NST* yang menerbitkan lebih daripada 30 laporan berita mengenai pengklonan.

Walaupun sepanjang bulan Februari 2005 terdapat beberapa perkembangan mengenai pengklonan, akhbar *UM* tidak menerbitkan sebarang laporan kecuali sebuah berita yang membincangkan dari sudut hukum Islam. Manakala akhbar *NST* melaporkan berita-berita berkaitan pengklonan.

Laporan akhbar *NST* ialah tentang berita-berita yang berkaitan dengan pengklonan sebagai pelaporan terus (*straight reporting*), tanpa ulasan, komentar atau perbincangan. Tiada sebarang laporan yang berbentuk pandangan atau komentar, kecuali pandangan mereka yang menjadi sumber berita sepertimana yang dimuatkan di dalam berita-berita yang dilaporkan. Dengan menyiarkan laporan berita sebagai satu perkembangan di dalam dunia sains, *NST* secara tidak langsung memberikan pandangan positif terhadap pengklonan seolah-olah ianya bebas dari sebarang kontroversi.

Ketiga-tiga laporan berita akhbar *UM* melaporkan pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia yang menyokong resolusi Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mengharamkan pengklonan manusia. Di dalam laporan yang sama, Imam Besar Masjid Putrajaya berpendapat bahawa pengklonan hanya dibenarkan bagi binatang yang halal. Manakala menurut Bekas Mufti Wilayah Persekutuan, pengklonan manusia akan menyebabkan sistem keturunan kucar-kacir, dan bagi Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pengklonan akan menimbulkan pelbagai masalah sosial (21 Februari 2005).

*Adnan Hussein et al.*

Kesemua sumber berita yang digunakan oleh *UM* untuk mengulas mengenai keputusan Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai isu pengklonan adalah pemimpin agama, khususnya Islam. *UM* melihat isu pengklonan dari sudut keagamaan semata-mata serta menggunakan naratif keagamaan yang mutlak dengan menonjolkan Allah, misalnya melalui tajuk beritanya;

*"Pengklonan manusia cabar urusan Allah – Tokoh agama"*

*"Manusia yang ingin mencipta manusia lain seolah-olah ingin mengambil alih tugas Allah."*

Dua berita lain yang dilaporkan adalah mengenai Dr. Hwang Woo-Suk, saintis Korea Selatan yang dikatakan telah memalsukan data mengenai pengklonan. Laporan tersebut menyebut penyiasat Korea Selatan mendapati saintis Dr. Hwang Woo-Suk tidak memiliki data saintifik mengenai hasil penyelidikan yang beliau telah laporkan mengenai sel stem (30 Disember 2005), manakala satu lagi berita mengenai pengakuan saintis itu sendiri (24 Disember 2005). *UM* melaporkan kedua-dua laporan tersebut sebagai sesuatu yang negatif mengenai saintis yang terlibat dengan penyelidikan pengklonan, walaupun sebelum ini *UM* tidak melaporkan mengenai hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh Dr. Hwang.

*UM* tidak banyak memberi ruang kepada isu pengklonan dalam jangkamasa antara Disember 2004 hingga Disember 2005. Namun ini tidak bermakna, bahawa *UM* tidak turut serta di dalam perdebatan mengenai isu pengklonan. Jika ditinjau secara lebih luas, perdebatan mengenai isu pengklonan di dalam *UM* telah berlaku sejak tahun 2001 lagi. Sepanjang tahun 2002 dan 2003, perbincangan mengenai pengklonan melalui *UM* sememangnya meluas.

Sejak tahun 2001, *UM* melaporkan beberapa berita mengenai pengklonan dan *UM* sejak dari awal lebih cenderung melihat kepada kontroversi dan penentangan terhadap pengklonan. Akhbar ini melaporkan;



*"Klon embrio manusia cetuskan perdebatan sains. PENGUMUMAN oleh sebuah syarikat dari Amerika Syarikat bahawa ia berjaya menghasilkan klon embrio manusia yang pertama telah menimbulkan satu perdebatan yang hangat tentang etika kajian berkenaan" (29 November 2001).*

Untuk mengukuhkan hujah mereka laporan berita *UM* menggunakan naratif yang boleh disifatkan sebagai membesar-besarkan. Misalnya, tajuk berita yang berbunyi "*Masyarakat Dunia kritik kelahiran bayi klon*" (29 Disember 2002), "*Bayi klon pertama di dunia – Lahir menerusi pembedahan walaupun di tentang masyarakat antarabangsa*" (28 Disember 2002). Manakala laporannya pula menyebut "*Pengumuman mengenai kelahiran bayi klon pertama di dunia menerusi pembedahan Caesarean kelmarin, dikritik hebat oleh para pemimpin dan masyarakat dunia kerana proses itu dikatakan berlawanan dengan fitrah kejadian manusia.* (29 Disember 2002).

Berdasarkan penelitian pada corak perlaporan, *UM* melihat isu pengklonan dari sudut keagamaan dengan memberi tumpuan kepada moral dan etika. Misalnya, laporan yang bertajuk;

"Klon melewati batas etika" (30 Disember 2002)

"Perang psikologi pengklonan manusia" (3 Januari 2003)

*UM* banyak bersandarkan individu atau institusi yang berkaitan dengan agama Islam khususnya, sebagai sumber utama seperti Majlis Fatwa untuk mengetengahkan pandangan dan penentangan terhadap pengklonan. Misalnya, dalam satu laporan *UM* diketengahkan pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan dengan laporannya:

*Majlis Fatwa Kebangsaan hari ini sekali lagi mengingatkan bahawa Islam mengharamkan dan melarang keras umatnya daripada terlibat dengan aktiviti pengklonan manusia (29 Disember 2002).*

*Adnan Hussein et al.*

Dalam satu laporan, akhbar *UM* melaporkan bahawa isu pengklonan bukan hanya isu bagi Islam sahaja tetapi juga agama-agama lain termasuk Kristian dan Yahudi. Dengan tajuk berita "*Pemimpin agama kutuk kelahiran bayi klon*" (30 Disember 2002).

Manakala di dalam laporannya ia menyebut;

*"Para pemimpin agama Islam, Kristian dan Yahudi semalam mengutuk kelahiran seorang bayi klon sebagai sesuatu yang tidak bermoral, kejam dan melanggar fitrah manusia. Para pemimpin politik pula meningkatkan desakan supaya pengklonan manusia..."*  
(30 Disember 2002).

Hujah sebegini digunakan untuk memberi gambaran mengenai kekuatan penentangan yang menyeluruh dan merentasi batasan agama. Semua agama menentang pengklonan.

Walaupun akhbar *NST* lebih banyak menerbitkan berita mengenai pengklonan, namun berita yang disiarkan tidak memberikan sebarang gambaran mengenai kontroversi disekitar isu pengklonan. Akhbar *NST* lebih cenderung untuk menonjolkan pengklonan sebagai berita mengenai perkembangan dan kemajuan sains. Laporan-laporannya lebih bersifat pelaporan terus tanpa melibatkan ulasan atau komentar sama ada oleh pihak editorial mahupun penulis jemputan. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada tajuk-tajuk beritanya;

*"Stem-cell sperm could be answer to infertility"* (26 Februari 2005)

*"Rush for stem cell cloning"* (3 November 2005)

*"Aussie scientists claim cloning breakthrough"* (18 Januari 2005)

*"Brazil legalises stem cell research"* (5 Mac 2005)

Malahan, reaksi pembaca juga mengenai isu ini tidak terdapat di akhbar berbahasa Inggeris itu. Misalnya *NST* melaporkan:

*"Australian scientists claimed a world first today after*

*cloning a cow using a new technique they said improves the chances of success. Brandy, a Holstein-Fresian calf, was born in December after being created by researchers from Melbourne's Monash Institute of Medical Research and the Genetics Australia Co-operative." (18 Februari 2005)*

Dalam satu lagi artikel harian ini melaporkan:

*"The scientist who cloned Dolly the Sheep has been granted a human cloning license to allow him to carry out research into motor neurone disease. The license given to Professor Ian Wilmut of the Roslin Institute, Edinburgh, is only the second that the Government's Human Fertilisation and Embryology Authority (HFEA) has given for therapeutic cloning research, which has been legal in the UK since 2001" (20 Februari 2005)*

Terdapat perbezaan yang ketara dari segi perlaporan yang terdapat di dalam akhbar *UM* berbanding dengan *NST*. Bentuk laporan yang terdapat di akhbar *NST*, lebih neutral dengan hanya melaporkan perkembangan dunia penyelidikan saintifik, tanpa kontroversinya, manakala *UM* sememangnya menonjolkan penentangan terhadap pengklonan.

## **RUMUSAN**

Isu pengklonan adalah satu isu yang kompleks. Dari satu sudut ia adalah berkaitan dengan penyelidikan saintifik, namun pada masa yang sama ia menyentuh beberapa aspek kehidupan masyarakat, khususnya mengenai kepercayaan, moral dan etika. Perbincangan dan perdebatan mengenai isu pengklonan sama ada melalui weblog mahupun media cetak lebih cenderung kepada aspek agama dan bukannya sains semata-mata. Malahan, boleh dikatakan perbincangan dari sudut sains adalah amat sedikit. Masyarakat berminat dengan isu tersebut kerana kontroversi yang lahir daripadanya.

Apa yang jelas, perdebatan mengenai isu kontroversi mengambil bentuk yang berbeza mengikut saluran yang digunakan. Hal ini lebih ketara di

*Adnan Hussein et al.*

dalam situasi media yang terkawal. Perbincangan dan perdebatan di dalam weblog lebih terbuka, di mana ada pelbagai pandangan dan pendirian diketengahkan, manakala perbincangan melalui akhbar hampir tidak wujud. Walaupun, peserta weblog terdiri dari penduduk Malaysia, tetapi pandangan yang sama sepertimana yang terdapat melalui weblog tidak terdapat di dalam media cetak. Ini mengukuhkan hujah bahawa saluran media mempengaruhi wacana awam yang wujud.

Isu mengenai pengklonan tidak dibincang secara meluas oleh akhbar tempatan. Pihak akhbar sering memilih `jalan selamat' dalam menjana wacana, supaya ianya tidak bertentangan dengan ideologi pihak pemerintah. Dalam isu pengklonan, elit agama jelas mendominasi dan menguasai ruang perbincangan. Justeru, pandangan-pandangan yang berbeza dan bertentangan tidak akan mendapat tempat. Oleh itu, isu pengklonan lebih bercorak wacana keagamaan dan bukan sains.

Hari ini wacana mengenai pengklonan di akhbar masih terikat kepada fahaman pihak akhbar tersebut dan seringkali perbincangan akan terhad kepada apa yang dirasakan sesuai dengan fahaman akhbar tersebut. Ini tidak jauh berbeza daripada apa yang ditemui oleh Sexton (2000) mengenai wacana pengklonan di UK pada tahun 2000.

Secara amnya, weblog menepati beberapa ciri di dalam teori *public sphere* (Marris, 1996), justeru menjadikan weblog satu media yang bebas, terbuka dan sesuai digunakan oleh sesiapa sahaja dalam berkongsi maklumat dan melahirkan pendapat mereka. Isu teknologi pengklonan, pengklonan manusia dan isu etika menjadi isu utama yang dibincangkan oleh peserta weblog yang dikaji. Mereka menjadikan weblog sebagai arena untuk melontarkan pelbagai persoalan dengan tujuan mengundang persetujuan, hujah dan bidasan daripada pembaca mereka untuk kepentingan bersama.

Kajian terhadap peserta weblog ini telah mengenalpasti bentuk wacana mengenai pengklonan, sama ada penentangan atau sokongan pengklonan. Yang menentang pengklonan menggunakan justifikasi agama, moral serta etika sebagai hujah manakala yang menyokong pengklonan lazimnya menggunakan kemajuan sains dan teknologi dan potensinya dalam memperbaiki kehidupan manusia.

Wacana melalui akhbar agak terhad dan terikat kepada fahaman pihak akhbar. Akhbar *UM* lebih mirip kepada membincang isu pengklonan

dari sudut keagamaan yang lebih cenderung untuk menentang usaha-usaha pengklonan, khususnya pengklonan manusia, manakala akhbar *NST* pula lebih cenderung melaporkan berita pengklonan secara pelaporan terus dan lebih cenderung untuk melaporkan sebagai kemajuan sains. Namun demikian, perbincangan yang dilaporkan oleh akhbar *NST* juga tidak menyentuh mengenai pengklonan secara saintifik dan mendalam.

Sebagai kesimpulan dapat dirumuskan bahawa wacana mengenai pengklonan berkisar kepada beberapa isu sama ada keagamaan, undang-undang, kemajuan sains dan potensinya. Apa yang jelas, perbincangan mengenai isu pengklonan lebih 'rancak' melalui weblog berbanding dengan akhbar dan pandangan yang pelbagai (*diverse*) dapat diberikan, berbanding dengan akhbar yang agak terhad dari segi pandangan-pandangan yang dapat dikemukakan.

## **RUJUKAN**

*Bloggging, Journalism, and Credibility: Battleground and Common Ground*, Kertas kerja yang dibentang di persidangan anjuran Harvard School of Law di Universiti Harvard pada 21–22 Januari 2005, <http://cyber.law.harvard.edu/webcred/>, Diakses pada 1 Ogos 2005.

Blogger.com, <http://www.blogger.com>

Blood, R., 2002, *The Weblog Handbook: Practical Advice on Creating and Maintaining Your Blog*, Cambridge: Perseus Publishing.

*China Daily*, 4 Ogos 2005.

Drezner, D.W. dan Farrel, H., 2004, "Web of Influence", *Foreign Policy*. Washington, November/Disember.

"The future of journalism: Yesterdays's papers", *The Economist*, 2005, 21 April, <http://www.economist.com/business>, diakses pada 18 Januari 2006.

*Adnan Hussein et al.*

- Ghazali Bunari, 2002, *Kuasa Menerbit di Hujung Kuku*, Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Bahasa Dan Pemerksaan pada 11–13 April 2002 di Hotel Hilton, Petaling Jaya, Malaysia, [http://geocities.com/kari\\_kambing/main/](http://geocities.com/kari_kambing/main/), diakses pada 4 Ogos 2005.
- Hewit, H., 2005, *Blog: Understanding the Information Reformation That's Changing Your World*, Tennessee: Thomas Nelsom Inc.
- Marris, P., (Ed.) 1996, "The public sphere by Jurgen Habermas" in *Media Studies, A Reader*. New York: New York University Press.
- Mohd Safar Hashim, 2005, *Wawasan 2020 dan Kebebasan Media*, Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikir anjuran Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia pada 1–2 Ogos 2005.
- Mortensen, T. dan Andrew Morrison J. Walker (Ed.), 2002, "Blogging thoughts: Personal publication as an online research tool" dalam *Researching ICTs in Context*, Oslo: InterMedia Report.
- Nerlich, B., Clarke, D.D. dan Dingwall, R., 2001, "Fiction, fantasies, and fears: The literary foundations of the cloning debate", *Journal of Literary Semantics*, 30: 37–52.
- Sexton, S., 2000, "How to talk about cloning without talking about cloning: Public discourse in the UK." *Biomedical Ethics*, 5(3), <http://www.izew.uni-tuebingen.de/bme/current.issue.html#article2>.
- Stone, B., 2004, *Who Let the Blogs Out?*, New York: St Martin Griffin.
- Wood, L.A. dan Kroger, R.O., 2000, *Doing Discourse Analysis: Methods of Studying Action in Talk and Text*, Thousand Oaks: Sage Publications.